

KESOPANAN KOMUNIKASI DALAM MENANGANI BERITA PALSU PANDEMIK COVID-19; PERSPEKTIF RETORIK AL- QURAN DAN PSIKOLOGI

Wan Azura W.A.ⁱ Ahmad Fazullah M.Z.A.ⁱⁱ

ⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.

wanazura@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Jabatan Sosial Sains, Pusat Sains Kemanusiaan, Kolej Pengurusan dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Malaysia. fazullah@ump.edu.my

Abstrak

Isu penyebaran berita palsu antara perkara yang sering dibincangkan di Malaysia sama ada dari sudut undang-undang atau keharmonian masyarakat. Artikel ini menganalisa beberapa isu berkaitan penyebaran berita palsu berkaitan pandemik COVID-19. Ia dikaji dari sudut kesannya terhadap kestabilan masyarakat dari aspek adab kesopanan berkomunikasi dan emosi, samaada bagi penyebar berita ataupun penerimanya. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis berita palsu dalam akhbar tempatan, analisis dokumen, artikel jurnal dan buku-buku berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa penyebaran berita palsu menjadi kebiasaan bagi sebahagian masyarakat dengan adanya medium media sosial yang dimiliki oleh setiap individu. Sehubungan itu, kajian ini cuba mengetengahkan panduan kesopanan komunikasi menurut perspektif retorik al-Quran dan psikologi bagi membimbing masyarakat ke arah komunikasi yang lebih terpandu.

Kata kunci: kesopanan komunikasi, berita palsu, psikologi, retorik al- Quran.

PENDAHULUAN

Bahasa merupakan alat komunikasi utama bagi manusia. Bahasa dengan segala cabangnya bukan sahaja sebagai alat komunikasi dan perantara dalam epistemologi ilmu, malah bahasa adalah cara dan pola berfikir manusia, mengandungi konsep dan makna tersurat dan tersirat berunsurkan alam, sarat nilai etika dan estetik, berbudaya, dan berjiwa bangsa. Bahasa adalah perantara, denyut nadi dan lambang identiti tamadun dan peradaban sesuatu bangsa.

Bahasa yang indah bukan sahaja mencerminkan keindahan hati dan budi penuturnya, bahkan dengan bahasa yang indah, maklumat dapat disampaikan dengan jelas dan betul oleh pendengarnya. Komunikasi yang berkesan dapat dilakukan dengan bahasa komunikasi yang baik sama ada lisan mahupun bukan lisan. Komunikasi yang berkesan dapat membentuk masyarakat yang berinformasi manakala komunikasi yang terpandu pula dapat menyatu padukan sesebuah masyarakat seterusnya membawa kepada keharmonian negara.

Komunikasi adalah suatu proses penyampaian maklumat atau pesanan dari satu pihak kepada pihak yang lain agar terjadi keadaan yang mempengaruhi perbuatan

seseorang. Ramai pakar menilai bahawa komunikasi sangat diperlukan dalam kehidupan bermasyarakat. Ini diterangkan oleh Profesor Wilbur Schramm yang menerangkan bahawa komunikasi dan masyarakat adalah dua data kembar yang tidak dapat dipisahkan satu sama lainnya. Komunikasi dikatakan berhasil apabila terjadinya persefahaman antara penerima dan pemberi isyarat dalam komunikasi sehingga tujuan utama komunikasi dapat tercapai (Muhammad Jeffery HS, 2018).

Salah satu cara berkomunikasi yang paling efektif dalam dunia global hari ini ialah melalui media sosial. Dalam era globalisasi kini, tidak dapat dinafikan bahawa media massa memainkan peranan penting dalam penyebaran maklumat dan bahasa dijadikan alat utama dalam komunikasi media sosial. Mengikut statistik yang dilaporkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sehingga Disember 2018, didapati sebanyak 28.7 juta pengguna internet di Malaysia yang merupakan 87.4%, daripada jumlah keseluruhan rakyat negara ini. Komunikasi di dunia internet semakin popular dengan kemajuan sains dan teknologi dan ketamadunan hidup manusia. Pelbagai medium komunikasi di media sosial seperti *Facebook, Twitter, Instagram, Path, Pinterest* hingga *Google* dan sebagainya merancakkan fenomena komunikasi di alam maya untuk penyampaian maklumat. Teknologi di hujung jari dan kemudahan internet ini membawa manfaat dan dalam masa yang sama keburukan kepada masyarakat sekiranya disalah guna.

Menurut Shahida H et al., (2020), pembinaan etika merupakan salah satu unsur yang paling penting dalam penyebaran berita dan maklumat melalui media sosial supaya medium ini tidak disalahgunakan oleh masyarakat dari semasa ke semasa. Oleh itu, kajian ini ditulis untuk mengupas etika dan panduan komunikasi yang sesuai digunakan melalui perspektif retorik al-Quran dan psikologi.

Berita Palsu dan Penyebarannya

Sejarah COVID-19 bermula pada bulan Disember 2019 dilaporkan di negara China Dalam beberapa bulan sahaja virus itu telah merebak ke bahagian lain di seluruh dunia. Dunia kini sedang menghadapi situasi genting melawan pandemik COVID-19, dan pada masa yang sama turut terjejas dengan penyebaran pandemik berita palsu. Menurut penyelidikan baru-baru ini, banyak khabar angin dan berita palsu tersebar mengenai COVID-19. Peningkatan berita palsu sudah menjadi isu sejagat di seluruh dunia.

Mengikut kajian terkini, media sosial dikenalpasti sebagai medium yang berpengaruh untuk menyebarkan sejumlah besar berita yang tidak ditapis. Kementerian Kesihatan memberi amaran kepada orang ramai supaya tidak menyebarkan berita palsu atau tidak disahkan mengenai Covid-19, dan hal ini perlu

ditangani mengikut undang-undang. Denda hingga ribuan ringgit dikenakan kepada pesalah.

Penyebaran berita palsu cepat umpama kilat sampai kepada warga sasaran tanpa sebarang sempadan. Sikap masyarakat yang seakan tidak mahu menapis terlebih dahulu kesahihan sesuatu berita menjadikan penularan berita palsu kian berleluasa. Sikap masyarakat yang seakan sebat dengan isu viral atau tularkan sesuatu isu turut menjadikan medium sosial seperti *WhatsApp*, *Facebook*, *Twitter*, *Telegram* atau *Instagram* bukan lagi medium yang boleh dipercayai seratus peratus seandainya penyebaranya tidak diketahui.

Wabak penyebaran berita palsu kian sebat dalam diri masyarakat, malah sukar dibendung kerana bukti-bukti yang seakan sah turut dimuatkan dalam berita palsu yang disebar luas. Berita dan cerita yang tidak sah boleh membawa kegusaran kepada masyarakat dan mengganggu gugat keharmonian negara. Dan merupakan satu wabak yang menjejaskan keharmonian masyarakat dari segi segenap segi; fizikal, rohani, emosi, mental dan kesihatan. Oleh yang demikian ia perlu dibendung dengan segera dengan cara mendidik masyarakat cara berkomunikasi yang berpandu. (Wan Azura W.A. & Ahmad Fazullah M.Z.A., 2021; 2020).

METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis berita palsu dalam akhbar tempatan, kajian artikel jurnal dan juga buku-buku berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa penyebaran berita palsu menjadi kebiasaan bagi sebahagian masyarakat dengan adanya medium media sosial yang dimiliki oleh setiap individu. Sehubungan itu, kajian ini cuba mengetengahkan panduan al-Quran menurut perspektif psikologi dan retorik Quranik bagi membimbing masyarakat ke arah komunikasi yang lebih terarah dan memberi manfaat kepada ummah.

HASIL DAPATAN

Berhati-Hati Dengan Jangkitan Siber Corona

Ketakutan masyarakat terhadap virus COVID-19 menjadi lebih parah dengan penyebaran berita palsu yang digempar-gempurkan melalui internet dan media sosial terhadap virus ini. Berikut adalah beberapa cara untuk membendung jangkitan siber dan mencegah panik besar-besaran:

1. Semak fakta dengan sumber yang boleh dipercayai seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dan Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC).

2. Semakan data sebenar melalui portal SEBENARNYA.MY. Masyarakat boleh membuat rujukan ke website berkenaan.

Portal Sebenar.MY

Bagi menangani berita palsu yang tersebar kian berleluasa, rakyat Malaysia diberikan panduan untuk mengetahui sama ada sesuatu berita itu benar atau tidak dengan merujuk website **SEBENARNYA.MY**. Maklumat yang diperolehi dapat membantu kesahihan fakta.



Gambarajah 1: Portal SEBENARNYA.MY

PERBINCANGAN

Dalam usaha untuk membendung maklumat salah terhadap isu COVID-19, pelbagai pendekatan diketengahkan termasuk amalan psikologi dan komunikasi dalam menguruskan masalah psikologi berkaitan pandemik ini. Oleh itu, kertas kerja ini cuba menyediakan satu pendekatan melalui konsep baru yang diilhamkan oleh pendekatan psikologi dan komunikasi berasaskan al-Quran. Idea ini timbul daripada prinsip kesopanan komunikasi dalam al-Quran sebagai alat panduan yang memainkan peranan penting dalam menguruskan maklumat. Berita palsu menggusarkan jiwa masyarakat, oleh itu cara berkomunikasi yang sesuai menurut al-Quran perlulah dipraktikkan.

Fenomena Berita Palsu COVID-19: Satu Analisis

Tidak dinafikan bahawa pandemik COVID-19 membawa kepada ketidakstabilan emosi masyarakat. Menurut Rosli Ali; (2020), Selain menghadapi jangkitan daripada wabak ini, Malaysia berhadapan dengan penularan maklumat salah atau tidak tepat, yang dilihat lebih berbahaya terhadap kestabilan masyarakat majmuk, apalagi ekonomi negara dalam keadaan kegawatan ekonomi dunia. Melalui Internet, hanya dengan satu klik melalui perkongsian berita palsu sudah dapat menyebabkan keadaan yang huru-hara dan panik.

Penyebaran berita palsu memberi impak negatif kepada masyarakat yang sedia terbeban dengan pandemik. Pandemik memberi kesan mendalam terhadap masyarakat. Bahasa lisan dan bahasa badan dalam konteks pandemik memperlihatkan simptom derita fizikal, kognitif, psikospiritual dan psikososial. Keempat-empat simptom saling berkait antara satu sama lain. Sakit di bahagian tubuh badan, kurang fokus, berfikiran negatif, ungkapan "Di mana Tuhan?", "Kami sudah penat", resah gelisah, marah, mudah tersinggung, bertindak agresif, hilang minat terhadap aktiviti harian, gangguan rutin tidur harian, mengasingkan diri dan sebagainya. Reaksi psikologi terhadap pandemik disebut sebagai tekanan psikologi berkaitan pandemik (*pandemic-related emotional distress*) (Taylor, 2019; Wang, Kala & Jafar, 2020).

Wabak penularan berita palsu boleh menjejaskan kestabilan dan keharmonian masyarakat. Salah satu contoh yang jelas di sini adalah pembelian panik dalam kalangan masyarakat ekoran berita palsu di awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyatakan bahawa barangan keperluan akan berkurangan.

Ekoran kegiatan individu yang tidak bertanggungjawab menyebarkan berita palsu terhadap jangkitan COVID-19, satu laporan palsu tular menerusi media sosial kononnya ada individu dijangkiti COVID-19 dilihat berada di sebuah pusat beli-belah di ibu negara. Berita Harian pada 9 Februari 2020 yang lalu melaporkan pihak pengurusan pusat itu sudah mengambil langkah berjaga-jaga termasuk menyediakan bahan pencuci tangan di sekitar pintu masuk, kaunter pertanyaan, tandas, lobi, lif dan eskalator. Kakitangan pusat membeli belah tersebut juga turut mengambil langkah keselamatan dan berjaga-jaga bagi mengelakkan berlaku sebarang jangkitan.

Selain itu tular juga di aplikasi *WhatsApp* beberapa berita palsu antaranya bekas Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Azmi menegur Dr Noor Hisham mengenai urusannya menangani pandemik COVID-19, isu vaksin dan lain-lain menerusi satu audio rakaman yang disebarkan oleh media sosial. Berita palsu tersebut dinafikan dengan kenyataan rasmi oleh bekas Ketua Hakim Negara tersebut bahawa suara tersebut bukan dirinya (Astroawani, Jun 5, 2021). Seandainya audio ini didengari oleh masyarakat yang tidak mengetahui tahap kesahihannya, masyarakat akan terus mempercayai perkara yang salah.

Berita palsu juga tular mengenai isu bahaya suntikan vaksin. Bagi mengekang penularan wabak COVID-19, pihak kerajaan kini giat memberikan vaksin kepada seluruh rakyat Malaysia. Apabila berlaku sebarang penularan penyakit berjangkit, antara perkara yang penting untuk mengelakkan penyebaran adalah dengan mencapai imuniti kelompok. Vaksinasi ini penting bagi mencapai kembali tahap ekonomi negara kita agar dapat kembali pulih dan kehidupan rakyat menjadi lebih

baik walaupun kita masih perlu mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan pandemik ini berulang. Namun begitu, masih terdapat segelintir masyarakat yang menyebarkan kononnya vaksin membahayakan nyawa manusia. Bagi memastikan usaha kerajaan mencapai imuniti kelompok vaksin tidak gagal menerusi dakwaan berita palsu mengenai vaksin, kerajaan telah mengambil tindakan undang-undang bagi menangani penyebaran berita palsu ini (Yatimin Abdullah, 2021).

Pendekatan Psikologi dan Retorik Berasaskan Al-Quran

Menurut Roslan A (2020), berikut adalah perkara yang perlu difikirkan apabila menilai sesuatu berita. Pertama, siapakah penciptanya? Siapakah individu yang menciptanya selain memahami latar belakang organisasinya. Apabila menilai berita, terutama di internet, adalah penting untuk menyemak kepakaran seseorang, lihat URL samada ianya adalah laman peribadi dan semak samada URL laman sesawang berakhir dengan .gov, .edu, .mil dan .org yang lebih dipercayai daripada laman sesawang berakhir dengan .com atau .net. Selain itu, jika berita itu tidak dipaparkan pada sumber berita yang sahih, ia tidak perlu diambil peduli. Kita perlu amalkan sikap semak sebelum sebar.

Selain itu, beberapa pendekatan boleh diambil oleh para pembaca media sosial terhadap kegusaran yang melanda berikutan pelbagai berita palsu mengenai COVID-19. Antara pendekatan tersebut ialah:

1. Pendekatan Psikologi:

1. Memperkukuhkan ketahanan dalaman diri manusia (nafs) yang merangkumi rohani, emosi, mental dan jasmani (SEMP).
Diri manusia (nafs) mempunyai keupayaan untuk bertindak balas terhadap pandemik sebagaimana Firman Allah swt: "Kami menciptakan manusia dalam sebaik-baik kejadian ..." (Rujuk al-Tiin, 95:4).
2. Tafakkur (Contemplation) (Psikologi kognitif)
Melalui kaedah ini, kita disarankan berfikir secara mendalam dan berhubung dengan Allah. Berfikir dan merenungkan ciptaan Allah seperti langit dan bumi, yang tidak ada sesuatu pun dijadikan sia-sia tanpa tujuan (Rujuk al-Imran, 3:191; al-Jaathiya, 45:3-5; al-Ankaboot, 29:20). Tafaakur menjadikan jiwa kita lebih tenang.
3. Melaksanakan dan mengamalkan nilai-nilai positif (Psikologi Positif)
Malalui kaedah ini, masyarakat disarankan menghayati dan mengamalkan sifat kesyukuran (syukur), Pengampunan (maghfirah), Taubat (taubah), dan Kesabaran (sabr), dalam menjalani hidup dalam normal baharu, mematuhi

Standard of Prosedure (SOP) sepanjang pandemik, elakkan berita palsu dan sebagainya.

2. Strategi Kesopanan komunikasi dalam al-Quran:

Penyelidikan berkaitan kesopanan komunikasi berdasarkan al-Quran didapati telah mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik dalam beberapa dekad yang lalu (Al-Khatib, 2012). Dari perspektif isu COVID-19, komunikasi dan ciri-cirinya memainkan peranan penting dalam menangani tekanan emosi. Jesteru, penggunaan bahasa dan retorik yang tepat, betul dan sopan perlu diterapkan dalam setiap komunikasi sama ada lisan atau bukan lisan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) "*Retorik merupakan kajian tentang teknik pemakaian bahasa secara berkesan dalam penulisan dan pertuturan, ia juga seni menggunakan dan memakai bahasa yang indah dan menarik untuk memujuk atau mempengaruhi pemikiran pendengar...*" (Noresah et al. & Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).

Menurut Wan Siti Fatimatul & Suhaila (2019), Terdapat 4 strategi dikemukakan dalam al-Quran dan hadis dalam memupuk kesantunan berbahasa iaitu strategi salam, strategi komunikasi, strategi doa dan strategi syukur. Secara keseluruhannya, keempat-empat strategi yang dikemukakan ini membuktikan bahawa nilai kesantunan berbahasa menjadi panduan asas masyarakat untuk menggalakkan komunikasi yang lebih berkesan dan harmoni selari dengan tuntutan agama. Selain itu Rusydi Room (2013) turut menyatakan bahawa al-Quran menggariskan 4 panduan kesantunan komunikasi iaitu *Qawlan Sadida*, *Qawlan Ma'rufa*, *Qawlan Baligha* dan *Qawlan Maysura*. Beberapa strategi kesopanan komunikasi turut dinyatakan oleh Wan Azura & A. Fazullah (2020) melalui kesopanan komunikasi retorik Quran dan psikologi seperti hikmah dan nilai etika.

Nilai retorik yang digunakan dalam ayat-ayat komunikasi ini memberi makna yang mendalam terhadap amalan komunikasi yang berkesan. *Sifat mausuf* yang digambarkan dalam ayat-ayat ini memberikan ciri terbaik teknik berkomunikasi yang disarankan.

Panduan kesopanan komunikasi dalam al-Quran dihuraikan seperti berikut:

1. *Qawlan sadīda*: Bercakap kata-kata keadilan yang sesuai, sah, dan tepat (al-Ahzab- 33:70)
2. *Qawlan ma'rūfa*: bercakap dengan ucapan yang sesuai (al-Ahzab- 33:32)
3. *Qawlan baligha*: bercakap dengan jelas, berkesan dan perkataan yang bermakna (al-Nisa'- 4:63)
3. *Qawlan maysura*: Bicara dengan kata lembut (al-Isra- 17:28)
4. *Aghdhud min shaut*: Gunakan suara yang lebih rendah semasa ucapan Luqman- 31:19

5. *Yastamiuna al-Qaul fayattabiuna ahsanahu*: Gunakan kata-kata terbaik semasa mendengarkan dan berbicara (Al-Zumar- 39:18)
6. *Tayyib min Qaul*: Keutamaan menggunakan ucapan yang baik dan perkataan (al-Hajj-22:24)

KESIMPULAN

Pandemik COVID-19 mengganggu gugat kesihatan, keamanan dan kesejahteraan warga dunia dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Rutin harian yang bebas sebelum pandemik berubah kepada kebiasaan norma baharu pasca COVID-19. Media sosial dalam era pandemik dilihat telah menjadi medium utama komunikasi antara manusia memandangkan penjarakan sosial sudah menjadi satu norma baharu yang wajib diamalkan.

Dalam rutin mencari dan menyampaikan maklumat hanya dengan menekan klik di hujung jari, individu yang tidak ada perasaan tanggungjawab sosial seringkali menyalahgunakan kemudahan internet dan media sosial dengan penyebaran berita yang tidak sahih dengan pelbagai tujuan sama ada bergurau, menakut-nakutkan masyarakat, menimbulkan huru-hara dan keresahan mahupun menggugat keharmonian negara.

Kesopanan komunikasi al-Quran merupakan panduan kepada setiap lapisan masyarakat agar membudayakan komunikasi secara betul dan benar. Setiap individu perlulah mempunyai perasaan tanggungjawab terhadap setiap kata-kata yang dikeluarkan sama ada secara lisan atau pun bukan lisan. Justeru, menjadi tanggungjawab setiap individu menyemak setiap berita yang disampaikan melalui media sosial.

COVID-19 mempunyai implikasi yang membimbangkan terhadap isu-isu kesihatan psikologi dan fizikal secara individu dan kolektif dari segi aspek SEMP manusia. Aspek emosi dan komunikasi dalam al-Quran mempunyai nilai retorik emosi yang tinggi dan mementingkan kesejahteraan manusia. Oleh itu, konsep kesopanan komunikasi dalam al-Quran yang mengandungi unsur retorik serta mementingkan psikologi masyarakat mencadangkan beberapa input dan strategi menangani masalah emosi berkaitan pandemik akibat penularan wabak berita palsu.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di

bawah kod penyelidikan: FRGS/1/2017/SSI01/USIM/02/1. Para penyelidik mengucapkan terima kasih kepada KPT dan USIM atas sokongan yang diberikan.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- A. Khatib, Mahmoud Abed. 2012. Politeness in the Holy Quran: A sociolinguistic and pragmatic perspective. *Intercultural Pragmatics Journal*. 2012; 9(4): pp. 479 – 509.
- Ali, Roslan. (2020, Mac 28). Wabak Berita Palsu Lebih Berbahaya Dari Virus. <https://astroawani.com/berita-malaysia/wabak-berita-palsu-lebih-berbahaya-dari-virus-0235717> (diakses pada 25 Ogos 2021)
- Astroawani. (2021, Jun 5). Tun Zaki nafi audio tegur Dr Noor Hisham adalah dirinya. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tun-zaki-nafi-audio-tegur-dr-noor-hisham-adalah-dirinya-301689> (diakses pada 25 Ogos 2021)
- Noresah Baharom et al., & Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan (edisi keempat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rusydi Room. 2013. *Konsep Kesantunan Berbahasa dalam Islam*. Jurnal Adabiyah. Vol. XIII. pp. 223-234.
- Said, Muhammad Jeffery Hizwan. 2018. Kepentingan teori komunikasi kepada masyarakat. https://www.researchgate.net/publication/324054891_Kepentingan_Teori_Komunikasi_Kepada_Masyarakat
- Shahidah Hamzah, Fauziah Ani, Norizan Rameli, Noranifitri MD Nor, Harliana Halim, Riki Rahman, Adi Syahid Mohd Ali, Nizam Attan & Khairul Anuar Kamri. 2020. Impak Penyebaran Berita Palsu Melalui Media Massa Sosial Terhadap Masyarakat: Kajian Kes Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia. *Jurnal Advances in Humanities and Contemporary Studies*. UTHM: Johor. Vol. 1 No (1), pp. 55-63. <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs> DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2020.01.01.005>
- Wan Azura W.A. & Ahmad Fazullah M.Z.A. 2021. *Protecting against fake news and COVID-19 misinformation: A Guidline from the Quranic-based communication rhetoric and psychology*. In International Seminar on Current Trend on Middle East: Virtual International Joint Conference On impact Covid-19 Global Impacts, 9-10 March 2021, organized by Universiti Teknologi (UTM), Skudai Johor, Tekirdag Namik Kemal Universiti, Turkey, Uskudar Universiti, Turkey, IIUM University Iran, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS) Selangor. <https://www.youtube.com/watch?v=ND7B4OQFPss&t=11738s>
- Wan Azura W.A. & Ahmad Fazullah M.Z.A. 2020. *Bagaimana remaja berbicara: Tinjauan dari sudut retorik al-Quran dan psikologi*. In Mohd Radhi I., Wan Mohd Fazrul Azdi W.R., Rosidayu S., Nik Suhaida N.A.M., Najib S.A., Mohd Hamidi I., & Yuseri A. *e-Prosiding of the International Conference on Aqidah, Religions and Social Sciences*

- (SIGMA 10) (pp. 30 -37). Nilai: Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Wan Azura W.A. & Ahmad Fazullah M.Z.A. 2021. *Laporan akhir penyelidikan Fundamental Research Grant (FRGS) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)- Model Pendidikan Kesopanan Komunikasi Remaja berasaskan Retorik berdasarkan al-Quran*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Wan Siti Fatimatul Akmal W. Hassan Suhaila Zailani @ Ahmad. 2019. Strategi dan Panduan Kesantunan Bahasa Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Islamiyyat* 41(1) 2019: pp. 117 - 124 UKM: Bangi (<https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2019-4001-14>).
- Wang, Y., Kala, M.P., & Jafar, H. 2020. Factors associated with psychological distress during the coronavirus disease 2019 (COVID-19) pandemic on the predominantly general population: A systematic review and meta-analysis. *PLoS ONE*, 15(12), e0244630. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0244630>.
- Yatimin Abdullah. (2021, Feb 26). Elak Sebar Berita Palsu Mengenai Vaksin COVID-19 <https://www.utusan.com.my/berita/2021/02/elak-sebar-berita-palsu-mengenai-vaksin-covid-19/> (diakses pada 25 Ogos 2021)
- Taylor, S. 2019. *The psychology of pandemics: Preparing for the next global outbreak of infectious disease*. Newcastle upon Tyne: Cambridge Scholars Publishing.